

Peruntukan RM5.34 bilion bela penduduk luar bandar

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kerajaan membuktikan komitmennya untuk membela penduduk luar bandar apabila menyediakan peruntukan terbesar yang pernah diberikan kepada sektor itu iaitu sebanyak RM5.34 bilion dalam Belanjawan 2002.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, peruntukan tersebut melibatkan RM1.58 bilion untuk pertanian, RM378 juta bagi pembangunan tanah dan wilayah serta RM392 juta untuk pembangunan kampung dan masyarakat.

“Kerajaan juga akan mempertingkatkan tahap liputan bekalan air bersih kepada 99 peratus di Semenanjung, 75 peratus bagi Sabah dan Sarawak, manakala bekalan elektrik 100 peratus menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8),” katanya ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut beliau, untuk mencapai tujuan itu, sebanyak RM185 juta disediakan bagi bekalan air luar bandar yang akan memberi tumpuan khas di kawasan pedalaman, terutama di Sabah dan Sarawak.

“Sebanyak RM211 juta lagi disediakan untuk bekalan elektrik luar bandar termasuk kos pemasangan lampu jalan bagi 16,207 buah kampung di seluruh negara,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata, program

pendidikan luar bandar juga diberikan tumpuan dengan memperuntukkan RM900 juta bagi projek sekolah rendah dan menengah manakala RM100 juta untuk enam buah projek baru kolej matrikulasi.

Tambahnya, sejumlah RM20.5 juta pula diperuntukkan bagi menyediakan kemudahan fizikal dan pembinaan makmal komputer sekolah.

“Untuk memastikan penyelesaian tempat tinggal guru-guru pula, sebanyak 7,800 unit rumah akan dibina dengan peruntukan sebanyak RM-215 juta,” katanya.

Kemudahan

Perdana Menteri menambah peruntukan itu merupakan sebahagian daripada matlamat untuk menyediakan kemudahan sebanyak 40,000 buah rumah guru.

Katanya, tumpuan akan turut diberikan bagi meningkatkan pendidikan luar bandar di Sabah dan Sarawak dengan memperuntukkan RM180 juta bagi pembinaan dan menaik taraf rumah guru serta penyediaan kemudahan bekalan air bersih dan elektrik di sekolah-sekolah.

Sementara itu katanya, kerajaan akan meneruskan program kesihatan keluarga yang disediakan di klinik bidan, klinik desa dan klinik kesihatan.

“Melalui program seperti *tele-primary care*, perkhidmatan yang disediakan kerajaan akan menggalakkan pembangunan keluarga sihat meliputi kesihatan wanita dalam kumpulan produktif, pembangunan kanak-kanak serta penjagaan kesihatan remaja, warga tua dan golongan istimewa,” katanya.

Di samping itu jelasnya, sebanyak 383 projek klinik kesihatan disediakan peruntukan berjumlah RM202 juta, sementara 13 projek Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekitar (BAKAS) diberi peruntukan RM8 juta.

“Projek BAKAS merangkumi sistem pembinaan bekalan air, tandas sanitari serta pengurusan sisa pepejal dan air limpah,” jelasnya.

Bagi Program Orang Asli, beliau berkata, tumpuan diberikan kepada usaha mengurangkan kadar kemiskinan di kalangan mereka.

Jelasnya, sebanyak RM114.1 juta diperuntukkan bagi pembangunan Orang Asli yang melibatkan 412 buah kampung.

“Ini termasuk usaha mengatasi masalah keciciran melalui program pembangunan minda dan mempergiatkan program prasekolah melalui aktiviti taska dan tadika,” katanya.